

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI MAHDZIR KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa bilangan permohonan lanjutan moratorium yang telah diterima oleh institusi kewangan dan perbankan serta berapa jumlah permohonan yang telah diluluskan bagi membantu mengurangkan impak negatif pasca COVID-19 yang dihadapi oleh rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Setakat 16 Oktober 2020, sekitar 650,000 permohonan untuk bantuan bayaran balik pinjaman telah diterima dengan kadar kelulusan sebanyak 98%. Daripada permohonan yang diluluskan:-

- a. sejumlah 40% telah memohon pelanjutan moratorium merangkumi individu yang baru sahaja kehilangan pekerjaan serta perniagaan dalam sektor yang mungkin masih mengalami kekangan operasi yang ketara akibat pandemik COVID-19; dan
- b. sejumlah 60% telah memilih pengurangan bayaran ansuran bulanan merangkumi peminjam yang pendapatannya telah berkurang.

2. Manakala kes permohonan yang tidak diluluskan adalah kecil iaitu sebanyak 2% dan sebab utama permohonan ditolak oleh bank ialah:-

- a. Peminjam individu masih mempunyai pekerjaan dengan pendapatan yang stabil, serta isi rumah termasuk pasangan masing-masing yang tidak mengalami pengurangan pendapatan; dan
- b. Peminjam PKS yang memang menghadapi kesukaran kewangan walaupun sebelum penularan wabak COVID-19. Bagi peminjam seperti ini, pelanjutan moratorium bukan satu penyelesaian yang mampan dan bank telah merujuk mereka kepada AKPK untuk mendapatkan bantuan bagi menyelesaikan masalah hutang mereka. AKPK telah menubuhkan “Meja Bantuan Perusahaan Mikro” bagi menawarkan khidmat nasihat kewangan secara percuma dan membantu perusahaan mikro mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman. Terdapat juga sebilangan kes PKS yang sedang melalui prosiding muflis atau pembubaran, atau telah didaftarkan di bawah Program Pengurusan Hutang anjuran AKPK. Bagi peminjam yang

berdaftar di bawah Program Pengurusan Hutang oleh AKPK, mereka boleh berhubung dengan AKPK untuk memohon semakan semula bayaran balik pinjaman yang mencerminkan keadaan kewangan semasa mereka.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Proses permohonan telah dipermudah dan diringkaskan bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada mereka yang memerlukannya. Dalam kebanyakan keadaan, bank hanya menghendaki peminjam untuk mengemukakan penyata bank terkini atau mengisytiharkan bahawa pendapatan mereka telah terjejas akibat pelaksanaan sekatan pergerakan. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional kumpulan M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank juga telah bersetuju untuk menerima pengisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik COVID-19.

4. Dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman, Kerajaan ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman akan disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.